

**AMALAN PENGAJARAN BAHASA ARAB DI SEKOLAH RENDAH PADA
TAHAP SATU
THE PRACTICE OF TEACHING ARABIC IN ELEMENTARY SCHOOL FOR
LEVEL ONE**

AZMAN CHE MAT^{1*}, SITI ABIDAH BINTI ABDUL RAHMAN², AZARUDIN AWANG³ &
NAZRATUL AINI RAMLI⁴

^{1,4}Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun

²Universiti Terbuka Malaysia (UNITEM), Kampus Kuala Terengganu

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Cawangan Terengganu, Kampus Dungun,
azman531@uitm.edu.my

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang bermula seawal di sekolah rendah di Malaysia merupakan satu perkembangan yang positif. Kesesuaian cara penyampaian subjek bahasa Arab akan menentukan sama ada objektif pendidikan bahasa Arab dapat dicapai dengan jayanya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cara penyampaian guru dan pencapaian murid dalam subjek bahasa Arab di sekolah rendah tahap satu. Sebanyak 274 murid dan 7 orang guru terlibat dalam kajian ini. Tinjauan yang dijalankan dengan mencatat dan merakam gambar di dalam kelas ketika proses pengajaran berjalan. Manakala sesi temu bual memfokuskan kepada pandangan guru berkenaan amalan dan pencapaian murid di dalam kelas. Dapatan kajian ini menunjukkan kebanyakan amalan pengajaran oleh guru sangat baik dan sesuai dengan tahap murid-murid serta penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam sesi kelas. Dari segi pencapaian pula, didapati kemahiran mendengar dan bertutur adalah lebih rendah daripada kemahiran membaca dan menulis. Namun secara keseluruhannya, pencapaian murid-murid adalah memuaskan. Kajian ini mencadangkan agar pendedahan kepada aktiviti luar darjah mampu meningkatkan lagi motivasi dan mengukuhkan kemahiran bahasa Arab murid seperti lawatan dan kem bahasa Arab.

Kata kunci: Amalan; penyampaian; bahasa Arab; BBM; kemahiran.

ABSTRACT

The teaching and learning of Arabic that starts as early as in primary school in Malaysia is a positive phenomenon. The appropriateness of the delivery of Arabic subjects will determine whether the objectives of Arabic education can be successfully achieved. This study aims to identify teacher delivery practices and student achievement in the subject of Arabic in primary school level one. A total of 274 students and 7 teachers were involved in this study. The survey was conducted by taking notes and taking pictures in the classroom during the teaching

process. While the interview session focused on the teacher's views regarding the practice and achievement of students in the classroom. The findings of this study show that most of the teaching practices by the teachers are very good and suitable for the students' level and the use of Learning Aids (LA) in class sessions. In terms of achievement, it was found that listening and speaking skills are lower than reading and writing skills. But overall, the students' achievements are satisfactory. This study suggests that exposure to extracurricular activities can further increase motivation and strengthen students' Arabic language skills such as academic visits and Arabic language camps.

Keywords: Practice; delivery; Arabic language; LA; skills.

Pendahuluan

Sebagaimana yang dinyatakan dalam matlamat pembelajaran bahasa Arab, kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis merupakan kemahiran yang perlu diajar oleh guru dan dikuasai oleh pelajar bahasa. Namun hal ini bukan bermaksud setiap kemahiran itu mesti diajarkan secara berasingan. Sebaliknya dalam satu sesi pengajaran, kemahiran mendengar dan bertutur diajarkan serentak, begitu juga dengan kemahiran membaca dan menulis berjalan selari. Oleh sebab itu amalan pengajaran yang sesuai dapat membantu para pelajar menguasai empat kemahiran tersebut dengan mudah dan cepat untuk menguasai bahasa Arab. Dalam kajian ini, dimensi kemahiran bahasa Arab boleh ditinjau dalam tiga dimensi utama, iaitu lexis dan nahuan, kognitif dan psikologi dan ekologi.

Dimensi Lexis & Nahuan

Kemahiran leksikal adalah kemampuan untuk memahami, menggunakan dan memperluas kosa kata dalam bahasa yang dipelajari. Kemahiran leksikal merupakan salah satu aspek penting dalam pembelajaran bahasa karena kosa kata yang tepat sangat diperlukan untuk berkomunikasi dengan baik. Amrulloh dan Hasanah (2019) menegaskan kesalahan fonologi atau kesalahan pengucapan merupakan kesalahan dalam mengucapkan kata sehingga menyimpang dari ucapan baku atau bahkan menimbulkan perbezaan makna.

Namun kesalahan dalam pembelajaran bahasa bukanlah hal yang aneh, karena kesalahan adalah sebahagian dari proses belajar yang tidak dapat dielakkan. Hal ini disokong oleh Akla (2022) yang berpendapat bahawa masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pengajaran bertutur adalah pada perbendaharaan kata, nahu, morfologi dan susunan ayat. Justeru itu, fokus kajian banyak dilakukan pada aspek yang didapati menjadi cabaran ialah pemerolehan kata (kosa kata) (Isnaini & Huda, 2020) dan nahu (Jamaluddin & Baharudin, 2021; Rahman, et al., 2020).

Dimensi Kognitif & Psikologi

Selain aspek kebahasaan yang disebutkan tadi, masalah yang dihadapi pelajar juga ialah masalah ingatan. Masalah ingatan yang dihadapi pelajar ini disokong oleh kajian Naimah (1995) yang menjelaskan dalam kajiannya bahawa masalah pelajar dalam ejaan bahasa Arab (penulisan) ialah lemah ingatan audio dan lemah ingatan visual. Begitu juga dengan kajian Ismail (1999) yang mendapati pelajar yang menghadapi masalah dalam perbendaharaan kata dan struktur ayat antaranya berpunca daripada pelajar yang kurang dan tidak dapat mengingat bahan yang diajar dan beberapa faktor lain. Masalah pelajar terhadap ingatan ini turut disokong oleh kajian Abdul Ghani (1999) yang mendapati salah satu faktor pelajar tidak meminati subjek bahasa Arab ialah masalah tidak dapat mengingat *taṣrīf* yang merupakan sistem morfologi bahasa Arab. Suzuki et al.,(2019) mengenal pasti lima perpektif kognitif psikologi iaitu jenis latihan, agihan latihan, waktu soalan diberikan, perbezaan disebabkan sikap individu dan kesan latihan terhadap hasil pembelajaran.

Norhayuza (2006) menyatakan masalah ingatan merupakan satu masalah yang sering menghantui pelajar di mana ia boleh menyekat kebolehan dan kelancaran mereka untuk berbahasa. Hal ini boleh dilihat melalui kajian lalu di mana kebanyakan pelajar mengalami kemerosotan ingatan dalam tempoh seminggu. Hal sedemikian mungkin bertambah rumit sekiranya tempoh masa untuk mengingat kembali bertambah kepada sebulan, setahun dan sebagainya.

Selain itu, masalah ingatan ini juga mengganggu pelajar dengan menimbulkan keresahan dan menghilangkan rasa keyakinan diri. Berkaitan hal ini, banyak kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa faktor keresahan dan keyakinan diri menjadi penghalang kepada penguasaan bahasa pelajar bahasa Arab. Hal ini jelas memberi kesan psikologi kepada pelajar bahasa jika tidak dapat diuruskan dengan baik oleh pengajar bahasa dan juga pelajar. Menurut Nur Pratiwi dan Suhaila Zailani (2015), faktor keresahan ini menyebabkan pelajar menanggung-nanggungkan kerja rumah yang diberikan, menghindari aktiviti bertutur di dalam kelas, atau duduk diam di belakang. Kajian yang dilakukan oleh Yusoff, Yusoff dan Baharuddin (2020) mendapati bahawa pelajar bahasa Arab mengalami keresahan apabila merasa bimbang dipandang negatif dan ditertawa oleh rakan-rakan sekelas semasa mereka bertutur bahasa Arab.

Dimensi Ekologi

Selain daripada masalah ingatan yang dihadapi pelajar, pengkaji berpendapat bahawa masalah lain yang perlu diberi tumpuan melibatkan dimensi ekologi pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa Arab. Pembangunan ekologi P&P bahasa Arab sangat penting kerana bahasa Arab sangat jarang digunakan di luar kelas. Kamarulzaman et al., (2018) mendapati bahawa persekitaran untuk pembelajaran bahasa Arab dari aspek prasarana dan komunikasi di SABK adalah amat tidak memberangsangkan.

Bagi pembelajaran bahasa terutamanya bahasa asing, Mok (2012) mengklasifikasikan persekitaran pembelajaran kepada tiga faktor iaitu faktor fizikal, faktor kemanusiaan dan faktor teknikal. Bagi mewujudkan ekologi yang produktif dan membina, pelaksanaan bahan bantu mengajar (BBM) adalah sangat penting. Penggunaan BBM yang efisien dan berkesan dalam P&P disokong oleh kajian mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam kurikulum *Bu'uth al-Azhar* di sekolah agama bantuan kerajaan (SABK). Maimun et al., (2014) mengatakan secara keseluruhan, kekerapan penggunaan bahan bantu P&P bahasa Arab di dalam bilik darjah dari sudut perspektif pelajar didapati bahawa 27 item yang disoal telah mencatat nilai minima pada tahap rendah, iaitu min = 2.16.

Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa tahap penggunaan BBM dari perspektif pelajar adalah rendah, disebabkan oleh beberapa kekangan yang terdapat di sekolah tersebut. Menurut Maimun et al., (2014) lagi, bahan bantu mengajar yang sering digunakan dalam P&P bahasa Arab ialah 27 item seperti buku teks, buku kerja, radio, kaset rakaman bahasa Arab, televisyen, filem bahasa Arab, komputer, *software* bahasa Arab atau perisian, jaringan internet, LCD, gambar, kad imbasan, makmal atau bilik bahasa, kad manila, papan tulis, laman sesawang, lembaran kerja, kertas mahjong, papan gulung, blog, akhbar harian atau majalah, bahan majud atau hidup, kad carta, al-Quran, nota edaran bercetak dan kamus.

Penggunaan BBM ini sebagai cara untuk membuka ruang menyelesaikan permasalahan kurangnya ekologi bahasa asing yang dipelajari di luar kelas dan semasa sesi pembelajaran. P&P bahasa Arab dalam kalangan murid sekolah rendah tahap satu ini merupakan satu modul yang masih di tahap pengenalan sesuai dengan tahap pelajar tersebut. Memaksimumkan penggunaan BBM dapat meningkatkan minat dan motivasi murid untuk belajar. Foram Patel (2015) turut menyarankan penggunaan bahan bantu mengajar yang lebih moden serta memperkenalkan makmal bahasa digital. Bahan di dalam makmal digital berupaya untuk

meringkaskan pembelajaran dalam kelas teori yang membosankan serta mendedahkan pelajar kepada cara sebutan penutur jati dengan tekanan suara dan intonasi yang lebih tepat. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mencapai dua objektif berikut, iaitu:

- i. Mengetahui amalan pengajaran bahasa Arab di sekolah peringkat rendah.
- ii. Menilai pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab berdasarkan amalan pengajaran sedia ada.

Metodologi

Kerangka Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah berbentuk kajian di lapangan. Kajian ini memfokus kepada kaedah pembelajaran dan penguasaan bahasa Arab dan konsep serta teori penggunaan ke atas empat kaedah dalam bahasa Arab, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kajian ini dikategorikan sebagai kajian keratan lintang yang hasilnya berguna pada jangka masa tertentu sahaja (Syed Arabi, 2002). Namun begitu ia juga boleh digunakan sebagai rujukan kepada kajian yang berikutnya untuk tujuan penambah baik kualiti pembelajaran bahasa Arab dan sebagainya. Reka bentuk kajian ini adalah dengan cara bertemu bual dan pemerhatian pengkaji di Sekolah Rendah Islam Darul Bayan, Paka, Terengganu.

Peserta Kajian

Secara umumnya kajian ini telah dilakukan terhadap para guru dan murid di sekolah rendah tahap satu, iaitu tahun satu, tahun dua dan tahun tiga. Responden terdiri daripada 274 orang murid dan tujuh orang guru. Terdapat empat kelas bagi murid tahun satu dan jumlah murid bagi satu kelas sekitar dua puluh (20) hingga dua puluh empat (24) orang. Manakala terdapat dua kelas bagi tahun dua dan anggaran jumlah murid berjumlah dua puluh empat (24) hingga dua puluh enam (26) orang. Seterusnya kelas tahun tiga pula terdiri daripada empat kelas dan anggaran bilangan murid adalah seramai di antara dua puluh empat (24) hingga dua puluh lima (25) orang murid.

Jadual 1: Taburan Murid Tahap Satu

Bil	Darjah	Murid (min)	Murid (mak)	Kelas	Jumlah
1.	Satu	20	24	4 kelas	96
2.	Dua	24	26	3 kelas	78
3.	Tiga	24	25	4 kelas	100
Keseluruhan					274

*Bilangan minimum dan maksimum ini dianggarkan kerana jumlah semasa pelajar adalah tidak tetap atas faktor ada yang berpindah, bertukar sekolah dan sebab-sebab yang lain semasa tempoh kajian ini dilakukan.

Manakala guru yang terlibat pula adalah guru penolong kanan kokurikulum (PK KOKO), guru Panitia bahasa Arab dan guru mata pelajaran bahasa Arab darjah satu, darjah dua dan darjah tiga. Pengkaji telah memilih Sekolah Rendah Islam Darul Bayan kerana modul dan buku teks yang digunakan berbeza dengan sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul dan buku teks yang digunakan adalah di bawah kelolaan Dewan Ulama' Negeri Terengganu. Sekolah ini juga menggunakan sukatan mata pelajaran bahasa Arab berdasarkan modul atau buku teks di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPKK, tetapi

pengkaji memilih untuk mengetengahkan modul di bawah kelolaan Dewan Ulama' Negeri Terengganu kerana modul ini sepenuhnya dalam bahasa Arab.

Instrumen Kajian

Kaedah kajian adalah cara pengkaji mendapatkan data dan maklumat sebagai bahan bukti daripada responden di dalam penyelidikan. Terdapat pelbagai kaedah dalam melakukan kajian, namun kajian ini dijalankan melalui kaedah mencatat dan mendapatkan kerjasama secara langsung daripada responden di Sekolah Rendah Islam Darul Bayan, iaitu dengan cara temu bual. Soalan-soalan yang digunakan semasa sesi temu bual telah disediakan sebelum pertemuan dengan responden kajian yang terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Arab dan murid-murid tahap satu di Sekolah Rendah Islam Darul Bayan.

Hal ini bagi memastikan soalan-soalan yang ingin diajukan dapat dijawab oleh responden kajian semasa sesi temu bual dijalankan. Kaedah ini membenarkan penyelidik memberi penjelasan jika terdapat soalan yang masih kabur. Selain daripada itu, responden juga dapat memberi keterangan lanjut kepada soalan-soalan yang penting. Catatan dibuat berdasarkan hasil temu bual, pemerhatian dan persoalan yang dirujuk kepada modul atau buku teks di sekolah berkenaan. Pengkaji menemu bual responden berkaitan teknik pengajaran merangkumi empat kaedah pembelajaran bahasa, iaitu kaedah mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Pengkaji mencatat hasil temu bual tersebut.

Selain daripada kaedah temu bual, kaedah pemerhatian dan tinjauan dalam mendapatkan maklumat turut digunakan. Kaedah pemerhatian dijalankan bagi mengetahui teknik pengajaran yang digunapakai manakala kaedah tinjauan digunakan untuk mengenalpasti tahap keberkesanan dan penguasaan murid ketika sesi pembelajaran bahasa Arab berlangsung. Selepas temu bual, kaedah tinjauan dan pemerhatian dilaksanakan di dalam kelas murid bagi mengenalpasti teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan samada mengikut buku teks dan modul berkenaan. Hasil dari kaedah kajian ini, maklumat secara langsung ketika sesi temu bual berjaya diperolehi. Tingkah laku dan aktiviti guru dan murid dapat diperhatikan secara semula jadi tanpa paksaan oleh mana-mana pihak. Ini membuktikan data yang diperolehi didapati secara semula jadi dan natural.

Pengumpulan Data

Pengumpulan data adalah suatu kaedah untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan bernas sebelum membuat penilaian terhadap responden. Walau apa pun metode yang digunakan penyelidik, seorang penyelidik itu mestilah mematuhi dan mengikut prosedur tertentu supaya semua data yang diperolehi tersebut dapat membantu menghasilkan sah, relevan dan berkualiti sesuai dengan kajiannya (Moten, 1998). Antara instrumen yang sering digunakan dalam kajian di lapangan secara langsung adalah inventori pemerhatian. Kajian ini melibatkan sejumlah peserta daripada populasi seramai 247 orang murid lelaki dan murid perempuan. Pengukur data tinjauan terdiri daripada pengisian sendiri, mencatat dan merekodkan laporan pentaksiran yang diperolehi oleh murid.

Manakala kaedah temu bual dan beberapa soalan diberikan kepada guru dalam mengumpulkan data ketika menjalankan kajian. Kaedah temu bual adalah bertujuan untuk mengesahkan tahap penerimaan kaedah pembelajaran dan penguasaan kemahiran murid sama ada secara tradisional atau secara berpandu mengikut modul atau buku teks. Kaedah temu bual boleh melibatkan hubungan terus dengan responden secara temu bual perseorangan, sama ada secara bersemuka, menggunakan telefon dan dialog komputer (Ahmad Shuib, et al., 2014). Peserta temu bual kajian ini terdiri daripada

tujuh orang guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab dan dilakukan secara bersemuka.

Menganalisis Data

Data pemerhatian dicatat dan dianalisis berdasarkan amalan yang dilakukan dalam P&P bahasa Arab. Pengkaji juga menyertakan gambar-gambar yang berkaitan untuk menyokong analisis yang dijalankan. Manakala hasil pentaksiran murid-murid pula dianalisis berdasarkan pencapaian kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan dikategorikan mengikut kelas menggunakan kekerapan dan peratusan. Manakala data temu bual dibincangkan secara umum bagi mengesahkan dapatan daripada pemerhatian.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini memberi beberapa maklumat berguna yang berkaitan dengan amalan P&P bahasa Arab yang rasional digunakan dan amat digalakkan di dalam kelas Bahasa Arab. Guru adalah wadah dalam melatih pelajar dengan kemahiran dan penguasaan bahasa Arab. Dapatan kajian ini mencapai objektif kajian pertama, iaitu amalan pengajaran bahasa Arab di sekolah peringkat rendah. Objektif pertama ini dapat dicapai melalui pemerhatian pengkaji sendiri ke dalam sesi kelas yang dijalankan. Manakala bagi objektif kedua pula, iaitu menilai pencapaian pelajar dalam kemahiran bahasa Arab berdasarkan amalan pengajaran sedia ada dijalankan melalui temu bual dengan guru Bahasa Arab.

Pemerhatian

Pemerhatian dijalankan sebagai tatacara untuk mengutip data yang membantu mencapai objektif pertama kajian, iaitu mengenal pasti amalan-amalan pengajaran bagi keempat-empat kemahiran, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Teknik dan aktiviti yang dilaksanakan untuk membantu pelajar menguasai keempat-empat kemahiran bahasa Arab adalah seperti berikut:

Mendengar

Merujuk kepada fokus kajian ini, skop yang menjadi perhatian kajian ialah pengajaran kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kemahiran mendengar merupakan kaedah yang pertama perlu dikuasai oleh pelajar. Teknik dan aktiviti mendengar ialah guru membaca dengan nyata dan nyaring, pelajar akan menyebutnya dengan nyaring juga. Seterusnya pelajar akan diarahkan membaca dan mengulangi bacaan kepada pelajar lain untuk mendengar dan menyebutnya kembali. Kaedah ini akan diuji dengan ujian iaitu guru membaca, seterusnya, pelajar menyebut apa yang didengarnya secara ulang-ulang. Aktiviti ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar dengan perkataan bahasa Arab dan ayat-ayat bahasa Arab. Melalui aktiviti mendengar ini, ia akan memahirkan lagi pelajar dalam menyebut perkataan atau ayat-ayat dalam bahasa Arab.

Manakala terdapat lapan teknik yang diamalkan dalam bahasa Arab hasil kajian dan pemerhatian pengkaji seperti kaedah mendengar bacaan perkataan, ayat dan ungkapan serta memahami maknanya, kaedah mendengar bacaan ayat al-Quran pilihan serta memahaminya, kaedah mendengar hadis pilihan dengan nyaring serta memahaminya, kaedah mendengar ungkapan perintah, saranan dan arahan serta mengajuknya, kaedah mendengar sebutan nombor dan bilangan serta menggunakannya dan kaedah mendengar iklan, berita, tazkirah dan pidato. Aktiviti ini berhasil apabila ujian lisan dilakukan terhadap pelajar.

Bagi menjayakan pembelajaran dalam kaedah mendengar ini, bantuan aktiviti yang berkesan seperti penggunaan bahan bacaan dan penggunaan BBM dalam kalangan guru amat penting. Malah penggunaan BBM ini memberi hasil positif terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Penggunaan ICT seperti kaset, rakaman audio, VCD dan komputer. Aktiviti ini membantu pelajar supaya lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam pembelajaran serta berusaha untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih baik. BBM dalam kemahiran mendengar ini lebih berkesan dengan penggunaan komputer dan internet. Dapatan ini selari dengan Hamzah (2016) yang mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap penggunaan teknologi ICT terhadap minat, interaksi, dan pencapaian responden dalam pembelajaran Bahasa Arab.

Hasil pemerhatian pengkaji, di sekolah Rendah Islam Darul Bayan telah menggunakan salah satu BBM mendengar dengan penggunaan audio rakaman suara berbentuk perkataan, ayat, dialog, pidato, iklan dan lain-lain. Pendengaran yang aktif merangkumi proses mendengar dengan tujuan untuk memahami, mengingat, menilai dan mengkritik. Kaedah mendengar ini tidak dapat dipisahkan dengan kaedah bertutur, kerana ianya adalah satu proses mengeluarkan ungkapan yang telah didengar. Contohnya, seorang pelajar itu telah mendengar audio rakaman berbentuk dialog, maka untuk menguji tahap pendengarannya pelajar itu perlu bertutur atau dengan kata mudah menyebut kembali apa yang telah didengarnya. Proses ini untuk memastikan kaedah mendengar dapat diterima oleh pelajar.



Gambar 1: Ketika pelajar sedang mendengar guru membaca

Bertutur

Teknik dan aktiviti yang diamalkan ialah untuk kemahiran bertutur atau berucap dalam bahasa Arab. Kaedah ini biasanya digabungkan dengan kaedah mendengar. Ia adalah satu respon dalam tahap pengukuhan konsep mendengar. Bertutur adalah ucapan lisan hasil dari mendengar perkataan, ayat dan ucapan dan dipraktikkan dengan menyebutnya. Kaedah bertutur ini merupakan komunikasi bahasa yang paling asli apabila seseorang pelajar itu akan dianggap pandai berbahasa apabila boleh menguasai keduanya walau tidak pandai membaca dan menulis.

Konsep asas dalam menguasai pertuturan adalah kaedah bertutur dengan tepat, iaitu sebutan, kosa kata, rumus bahasa dan pembinaan ayat. Perkara asas ini berkait langsung dengan tahap penguasaan pembelajaran bahasa Arab itu sendiri. Kaedah bertutur adalah merangkumi kaedah sebutan seperti contoh perkataan yang mengandungi huruf-huruf seperti احمد, الخميس, ص-مس, ص-ص, بعد,طلع, نظر, المهدي, selepas menyebut huruf dengan betul, pelajar hendaklah menyebut perkataan dengan betul. Contoh perkataan yang hampir sama huruf adalah seperti ص-مس, ص-ص cara menyebut huruf mati dan huruf sambungan hendaklah dipelajari supaya tidak silap dalam menyebut sebutan perkataannya kerana akan menyebabkan berubahnya makna terhadap ungkapan tersebut. Manakala penggunaan kosa kata yang sesuai dan tepat merupakan salah satu kebolehan yang amat penting dalam pembelajaran bahasa Arab.

Teknik yang berkesan dan memudahkan pelajar dalam menguasai kosa kata iaitu dengan memperbanyakkan bacaan dan meluaskan bidang bacaan. Perkataan yang mudah dipelajari oleh pelajar adalah perkataan yang mudah khususnya dari segi sebutan, makna dan mudah diingati. Di sekolah rendah tahap satu terhadap kaedah bertutur adalah lebih kepada kaedah P&P dan BBM. Teknik ini sentiasa dan mudah dipraktikkan oleh guru untuk memastikan semua pelajar dapat menerima pembelajaran mengikut tahap kemampuan. Antara pendekatan guru dalam P&P adalah seperti contoh guru sentiasa berkomunikasi dalam bahasa Arab, memilih

topik sekitar kehidupan harian supaya pelajar merasai kewujudan bahasa Arab dan mempunyai keyakinan untuk bertutur dalam bahasa Arab. Guru juga perlulah kerap memberi tugas, latihan lisan, berdiskusi, soalan kuiz dan lain-lain. Perkara ini juga dapat membantu pelajar supaya lebih yakin dalam penggunaan bahasa Arab untuk bertutur. Dalam usaha untuk menjayakan P&P, aspek naluri juga di ketengahkan iaitu ganjaran. Ia amat penting supaya menimbulkan keseronokan dan minat dalam matapelajaran bahasa Arab. Ganjaran itu tidak semestinya berbentuk hadiah, sekadar ucapan pujian atau sanjungan juga telah memadai untuk menaikkan semangat serta menanamkan keyakinan dalam diri pelajar itu untuk bertutur dalam bahasa Arab.

BBM ini amat penting, ini kerana pelajar dilihat lebih berminat jika terdapat kepelbagaian teknik dalam P&P. Pemilihan BBM yang menarik seperti kad kod perkataan Arab juga membantu dalam menarik minat pelajar untuk lebih yakin bertutur dalam bahasa Arab. Kad kod ini perlu bersesuaian dalam waktu P&P supaya pelajar dapat menguasai bahasa Arab sama ada dengan menghafal perkataan atau berdialog antara guru semasa waktu P&P.



Gambar 2: Ketika pelajar sedang dilatih bertutur


Membaca

Kemahiran ketiga pula ialah membaca. Membaca merupakan cabang kepada komunikasi yang berpaksikan kepada perkataan berbentuk teks atau tulisan. Kemahiran ini diperolehi setelah seseorang pelajar itu dapat menguasai kaedah mendengar dan bertutur. Kaedah ini juga dianggap sebagai pemindahan tulisan kepada suara. Seseorang itu dianggap pandai membaca walaupun kandungan isi bacaan itu tidak difahaminya. Terdapat dua komponen penting dalam sesuatu perlakuan membaca, iaitu mahir atau dapat mengecam perkataan dan dapat memahami sesuatu simbol yang dibaca. Kemahiran membaca saling berkait dengan kemahiran menulis. Kedua-dua kaedah ini merupakan kaedah yang efektif kepada pelajar untuk menyusun atur maklumat. Terdapat dua kaedah penerapan dalam membaca, iaitu penerapan membaca secara nyaring dan penerapan membaca secara senyap. Contoh penerapan secara nyaring adalah dengan guru memperdengarkan bacaannya dengan memilih artikel pendek yang di kira sesuai dengan kemampuan pelajar dan membuat perbincangan dengan menghuraikan makna perkataan dan gaya bahasa yang susah.

Terdapat beberapa teknik yang digunakan dalam pengajaran kemahiran membaca. Penerapan pengajaran ini bergantung kepada peringkat bacaan. Teknik dalam pengajaran dan pembelajaran memberi fokus utama terhadap perbendaharaan kata dan kefahaman. Di sini pengkaji memerhatikan teknik yang digunakan di Sekolah Rendah Islam Darul Bayan adalah menggunakan analisis konteks. Teks atau modul bergambar digunakan sebagai ilustrasi sebagai simbol nota kaki. Ia berperanan sebagai alat bantuan format teks. Perkara bagi memudahkan pelajar membaca dengan mudah serta dapat memahaminya. Perkataan itu mestilah di sebut dengan nyaring, aktiviti ini perlu dilakukan oleh dua pelajar bagi menyebutnya dengan jelas, seorang pelajar menyalin di papan hitam, dan seorang pelajar membaca dengan nyaring sambil membilang jumlah perkataan yang ditulis.

Teknik yang diamalkan untuk kemahiran ini ialah membaca mengikut perkataan dan menyusun perkataan itu. Seterusnya teknik yang digunakan dalam kemahiran membaca adalah pengajaran kefahaman. Dalam konteks pembacaan, kefahaman merupakan satu proses untuk mendapatkan makna daripada komunikasi tulisan atau penggunaan lambang tertentu. Proses ini adalah seperti mengecam perkataan, memilih makna yang sesuai,

menghubungkan dengan idea dan pengalaman yang sedia ada, menyusun idea dan menilai perkataan tersebut. Penggunaan kamus Arab-Melayu amat sesuai bagi tujuan kefahaman yang jelas. Maka sudah pasti terbentuk pembacaan terarah dan tersusun berdasarkan kefahaman terhadap hasil pembacaan teks atau bahan bacaan seperti dialog dan lain-lain.



Gambar 3: Ketika pelajar dilatih membaca dengan betul

Menulis

Kemahiran yang keempat pula ialah kaedah menulis. Konsep ini adalah peringkat akhir setelah pelajar telah mendengar, bertutur dan membaca. Apabila ketiga-tiga kaedah tersebut telah dikuasai oleh pelajar, maka amat mudahlah bagi pelajar itu menulis bahasa Arab. Menulis adalah satu proses untuk menghasilkan bahan atau idea, pendapat, pengalaman, perasaan, maklumat dalam bentuk tulisan bagi mewakili dirinya kepada orang lain. Namun peringkat menulis bagi pelajar di sekolah rendah tahap satu adalah seperti menulis berdasarkan petikan dan lebih kepada proses membina ayat. Hasil kajian ini mendapati teknik menulis yang diterapkan kepada pelajar adalah dengan membina ayat pendek, mengisi petikan dan menulis karangan pendek berbentuk dialog, perkelahan dan kegemaran pelajar.

Gabungan teknik yang digunakan oleh guru dalam mengajar pelajar adalah merujuk kepada kemahiran dalam menulis. Teknik yang diamalkan oleh guru kepada pelajar adalah latihan *imla'* (املاء), *khat* (خط), *ta'bir tahriri* (تعبير تحريري). Latihan *imla'* (املاء) ialah pelajar diberi petikan dan perlu menyalin petikan tersebut. Ia dinamakan juga sebagai peringkat memindah dan menulis semula. Tujuan *imla'* (املاء) ini adalah untuk memperbaiki kemampuan pelajar untuk menulis huruf dan perkataan Arab. Contohnya perbezaan menulis bahasa Melayu ke bahasa Arab, iaitu mula menulis dari arah kanan ke kiri. Teori seterusnya adalah teori *khat* (الخط) dan *ta'bir tahriri* (التعبير التحريري). Pada peringkat permulaan murid perlu mengetahui menulis perkataan dengan betul. Murid mungkin mempunyai kosa kata yang banyak tetapi hanya mampu menulis ayat pendek sahaja sesuai dengan tahap pelajar tersebut. Contoh teknik yang diamalkan ialah melengkapkan ayat, melengkapkan ayat peringkat sekolah rendah ini adalah bebas dan mengikut kemampuan pelajar. Kebiasaannya latihan diberikan adalah berbentuk petikan, maka pelajar disarankan mengisi tempat kosong yang diberikan dengan perkataan yang sesuai. Terdapat juga teori menggunakan latihan ganti ayat. Pelajar telah di dedahkan dengan latihan ganti ayat bagi membolehkan pelajar menulis ayat sendiri tentang soalan yang diberikan. Buku teks dan modul yang di bekalkan kepada pelajar amat penting sebagai bahan rujukan atau panduan untuk pelajar membuat latihan dan menguasai bahasa Arab.

Sesungguhnya keempat-empat teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab tersebut yang telah dilaksanakan di sekolah rendah tahap satu. Bahkan teknik yang diamalkan ini amat sesuai dengan kemampuan murid. Menerusi amalan ini, bahasa Arab dapat dikuasai oleh semua murid walaupun murid dari kelas belakang. Tinjauan ini mendapati amalan P&P bahasa Arab dilaksanakan untuk memenuhi matlamat dan visi sekolah, guru-guru pula lebih cenderung kepada menggunakan bahan bantu mengajar seperti soalan kuiz. Hal ini membantu guru dalam menilai tahap penguasaan murid terhadap konsep dan teori pembelajaran di jalankan.



Gambar 3: Pelajar sedang dilatih menulis perkataan

Temu bual

Hasil temu bual dengan guru, pembelajaran terhadap bahasa Arab telah menggunakan buku teks yang dikelola oleh Dewan Ulama' Negeri Terengganu. Dapatan kajian melalui perbincangan dengan guru, pelajar diajar berdasarkan atas kemampuan berdasarkan susunan kelas depan, sederhana dan belakang. Berpandukan buku teks dan modul, pengkaji mendapati bahawa buku teks dan modul itu dapat diselaraskan supaya dapat mencapai objektif mengenal pasti perbezaan tahap penguasaan pelajar dalam mata pelajaran bahasa Arab jika menggunakan kaedah pembelajaran berbanding kaedah tradisional di sekolah. Walaupun kaedah penggunaan buku teks seolah-olah nampak seperti konsep tradisional, namun pendekatan guru menggunakan keempat kaedah pembelajaran lebih layak untuk diketengahkan, ini kerana tahap penguasaan pelajar dapat mencapai sasaran. Pengkaji telah berbincang dengan guru agar kemahiran pengajaran terhadap pelajar ini diselaraskan agar lebih kondusif dan sistematik. Dapatan kajian apabila temu bual guru, pembelajaran di waktu P&P dan menggunakan BBM sangat membantu dalam pelaksanaan kaedah pembelajaran bahasa Arab. Sebagai contoh, BBM dengan menggunakan kad perkataan pelbagai dapat membantu pelajar menambah kosa kata dan terdedah dengan perkataan baharu dalam bahasa Arab.

Kegiatan seumpama ini perlu dilihat sebagai bahagian yang penting dalam sistem pengajaran dan sebagai alat bantu yang berfungsi sebagai tambahan yang digunakan apabila perlu (Khalilullah, 2012). Semasa bermain atau menyanyi, murid akan bertindak balas dengan spontan, menyoal, menyuruh, meneka, membaca, menulis, melukis dan sebagainya. Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa hasil pertemuan dan perbincangan dengan responden, sikap responden terhadap minat dan kesungguhan mereka adalah amat baik meskipun ia masih boleh dipertingkatkan lagi dalam P&P bahasa Arab dari masa ke masa.

Manakala dari segi pencapaian dan dorongan pula, kebanyakan responden mengakui mereka hanya berada pada tahap yang sederhana sahaja. Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor lain yang mempengaruhi penguasaan bahasa Arab yang perlu dikenal pasti. Antaranya faktor pengajar, alat bantu dan kaedah pengajaran yang mungkin menjadi faktor utama atau sampingan yang menyebabkan wujudnya kelemahan untuk menguasai bahasa Arab dalam kalangan responden. Pengkaji mendapati bahawa dapatan kajian hasil dari penemuan ini adalah penggunaan bahasa Arab dapat meningkatkan penguasaan bahasa Arab.

Hasil perbincangan dalam sesi temu bual ini, pengkaji mendapati pencapaian keempat-empat kemahiran ini dapat dibahagikan mengikut kelas responden.

Jadual 2: Peratusan Pencapaian Murid Berdasarkan Empat Kemahiran Bahasa

Bil.	Darjah	Mendengar	Bertutur	Membaca	Menulis
1.	Satu	70%	58%	60%	98%
2.	Dua	85%	90%	90%	100%

3.	Tiga	80%	75%	70%	100%
----	------	-----	-----	-----	------

Merujuk kepada jadual di atas, jelas sekali kemahiran menulis pada peringkat ini lebih cepat dikuasai oleh murid. Hal ini disebabkan tabiat murid-murid yang mempunyai kecenderungan untuk menggunakan alat tulis dan melukis. Selain itu juga BBM untuk kemahiran menulis adalah lebih menarik dan pelbagai seperti yang disediakan oleh guru seperti kad imbasan, buku latihan menulis bergambar dan seumpamanya. Berbanding dengan kemahiran mendengar dan bertutur yang lebih rendah secara relatifnya, pengkaji mengandaikan murid-murid kurang memberikan perhatian kepada bunyi sebutan yang berbeza daripada bahasa ibunda mereka. Bahkan penggunaan BBM juga terhad kepada rakaman audio sahaja, selebihnya adalah suara guru yang menyebut huruf dan kata dalam bahasa Arab. Justeru itu, pencapaian kemahiran mendengar dan bertutur itu tidak begitu memberangsangkan jika dibandingkan dengan kemahiran-kemahiran yang lain.

Kesimpulan

Kajian ini merumuskan bahawa pembelajaran bahasa Arab pada peringkat awal dapat memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak untuk mengenali dan seterusnya meminati bahasa Arab. Maka amat penting sekali kepada pengajar bahasa Arab untuk menyampaikan pengajaran secara kreatif dan menekankan aspek-aspek kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Proses P&P yang dilaksanakan dalam lokasi kajian ini menunjukkan bahawa tenaga pengajar bahasa Arab telah menggunakan pelbagai BBM untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Buku teks yang digunakan juga sesuai sebagai bahan pengajaran bahasa Arab. Namun, kajian terperinci kepada buku teks ini perlu dilakukan jika penilaian kualiti dan kandungan diperlukan. Selain itu, pengagihan murid mengikut kelas berdasarkan kemampuan juga membantu pihak guru mengaplikasikan kaedah pengajaran yang sesuai dengan penerimaan murid-murid.

Oleh kerana kandungan pengajaran pada tahap satu ini merupakan peringkat asas, perkara yang paling diutamakan ialah untuk menarik minat murid kepada sesi pembelajaran. Bagi mencapai maksud ini, penggunaan BBM adalah sangat digalakkan dan dipelbagaikan. Jika dilihat kepada pencapaian murid yang terlibat dalam kajian ini, keputusan bahasa Arab mereka memuaskan untuk semua kemahiran bahasa. Walaupun begitu kemahiran mendengar dan bertutur boleh ditingkatkan lagi dengan menambahkan variasi BBM dan aktiviti yang melibatkan kemahiran ini seperti lakon drama, main peranan, simulasi, persembahan bacaan nyaring dan seumpamanya.

Rujukan

- Moten, A. R. (1998). *A Guide to Research Proposal and Report Writing*. Gombak: International Islamic University Malaysia.
- Ahmad Shuib, Lee, N., & Thinagaran, P. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Open. University Malaysia (OUM).
- Akla, A. (2022). Storytelling Method to Improve Vocabulary for Non-Native Arabic Speaker Children. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 6(1), 171-192.
- Amrulloh, M. A., & Hasanah, H. (2019). Analisis Kesalahan Fonologis Membaca Teks Bahasa Arab Siswa Madrasah Tsanawiyah Lampung Selatan. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 3(2), 209-228.

- Hamzah & Muna. (2016). Penggunaan Teknologi ICT Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia, Faculty of Islamic Civilization.
- Isnaini, N., & Huda, N. (2020). Pengembangan Media Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab Berbasis Permainan My Happy Route Pada Siswa Kelas Viii Mtsn 10 Sleman. *Al Mi'yar: Jurnal Ilmiah Pembelajaran Bahasa Arab dan Kebahasaaraban*, 3(1), 1-14.
- Jamaluddin, N. H., & Baharudin, H. (2021). Tahap Penggunaan Strategi Pembelajaran Nahu Dan Penguasaan Kata Kerja Arab Dalam Kalangan Pelajar Pengajian Arab Di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia [The Use of Grammar Learning Strategies and Mastery of Arabic Verbs among Students of Arabic Studies. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(2), 86-97.
- Kamarulzaman, G., Zawawi, I., & Azmil, H. (2018). Persekitaran Bahasa Arab dalam Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Dini di SABK. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Special Issue*, 2(49), 644-656.
- Kementerian pelajaran Malaysia. (2007). *Panduan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Arab di Sekolah Kebangsaan*.
- Maimun Aqsha Lubis, Zaffi Alias & Hanis Najwa Shahrudin. (2014). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kurikulum Bu'uth Al-Azhar di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *Jurnal Pendidikan Malaysia* 39(1): 51-61.
- Mok, Soon Sang. (2012). *Prinsip Teras Pengajaran & Pembelajaran 1*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Norhayuza Mohamad. 2006. *Penggunaan Strategi Pemetaan Semantik dalam Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab*. Tesis PhD. Di Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Nur Pratiwi & Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad. (2015). Keresahan Pelajar Ketika Mempelajari Bahasa Arab. *Al-Hikmah*, 7(1), 79-94.
- Patel, Foram & Mahichchha, Nirali. (2015). Teaching English Language by Using Modern Teaching Aids to Upper Primary Level Students. *International Journal for Innovative Research in Multidisciplinary Field*, 1(1), 12-18.
- Rafa'il & Nakhiah Al-Yasu'iy. (1986). *Ghara'ib al-Lughah al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar al-Masyriq.
- Rahman, A. A., Zulkifli, M. S., Hashimee, M., Wazir, A., Sayed, M., & Mansor, N. (2020). Tahap Penguasaan Ilmu Nahu Dalam Kalangan Guru Bahasa Arab. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 2(2), 102-116.
- Suzuki, Y., Nakata, T., & DeKeyser, R. M. (2019). Optimizing second language practice in the classroom: Perspectives from cognitive psychology. *Modern Language Journal*, 103 (0), 551-561. doi:10.1111/modl.12582
- Syed Arabi Iddid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thoyyibah, A. (2019). Analisis Kesalahan Ortografi Bahasa Arab Mahasiswa Pendidikan Bahasa Arab Universitas Muhammadiyah Malang. *Arabiyatuna: Jurnal Bahasa Arab*, 3(2), 215-334.
- Yusoff, A., Yusoff, N. M. R. N., & Baharuddin, H. (2020). Efikasi Kendiri dan Kebimbangan Bahasa Dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama: Self Efficacy and Language Anxiety in the Arabic Language Classroom at Religious School. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 4(1), 35-47.